

Semakin banyak jangkitan, lebih tinggi risiko mutasi virus COVID-19

Oleh [Dr Hajar Fauzan Ahmad](#) - Ogos 9, 2021 @ 12:07pm

bhrencana@bh.com.my

Penulis adalah Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP)



Foto hiasan. – AFP

Proses evolusi bagi virus SARS-CoV-2 berlaku amat pantas. Sejak tercetus pandemik tahun lalu, pelbagai varian baharu muncul melalui proses mutasi.

Terkini, seluruh dunia digemparkan kemunculan varian Delta atau B.1.617.2 yang tidak pernah diundang. Sejak mula di kesan di India pada Disember 2020, virus ini tersebar ke seluruh pelosok dunia meliputi lebih 98 negara lain dalam tempoh sebulan.

Justeru, ia menjadi varian yang sangat dominan di seluruh India, termasuk negara lain seperti United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Scotland dan Israel dengan pertambahan amat mendadak di Malaysia.

Analisis penjujukan genom dibuat ke atas sampel dari Pahang pada minggu lalu, menemukan dapatan amat memeranjatkan berkaitan varian Delta.

Pada mulanya dijangkakan hanya Kluster Kamunting yang berkaitan varian ini. Untuk rekod, kluster ini menunjukkan jangkitan terbesar mencecah 1,300 pekerja pasar basah di Kuantan. Namun, sampel lain daripada jangkitan sporadik di sekitar Pahang turut dikenal pasti berpunca melalui jangkitan Delta.

Jangkitan sporadik adalah jangkitan tidak diketahui asal usul penyebabnya. Sampel kali ini kebanyakannya daripada pesakit yang datang ke hospital dengan pelbagai sebab kesakitan, namun selepas disaring melalui kaedah RT-PCR, mereka dikesan positif COVID-19.

Perkembangan ini sesuatu yang merisaukan semua pihak kerana varian digeruni ini sudah sampai ke Malaysia dan merebak dalam kalangan masyarakat tanpa diketahui puncanya.

Sehingga kini, hampir 296 varian direkodkan melanda Malaysia sejak awal tahun lalu, dengan 278 daripadanya adalah varian membimbangkan (VOC) dan 18 varian mempunyai kepentingan (VOI).

Antaranya adalah B.1.524 dan AU.2 yang dikelaskan sebagai varian tempatan oleh pangkalan data PANGO dan diikuti varian Beta dari jalur B.1.351; B.1, B.617.2 daripada jalur Delta; B.1.466.2 daripada jalur Indonesia; B.1.36.16, B.6, B.1.470 dan lain-lain lagi.

Walaupun ada antara virus ini berjaya dibasmi, pertambahan angka jangkitan berpunca varian Delta kian membimbangkan saban hari.

Varian Delta menunjukkan kadar kebolehjangkitan lebih tinggi sebanyak dua kali ganda berbanding virus asal yang dijumpai di Wuhan, China pada 2019. Ini menjadikan ia lebih cepat merebak pada kadar 40 sehingga 60 peratus lebih tinggi berbanding varian Alfa.

Rata-rata pesakit dengan jangkitan varian Delta dikesan mempunyai virus berbentuk butiran halus yang amat banyak pada saluran pernafasan sehingga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menggelarkan ia sebagai varian paling 'cepat dan cergas' berbanding varian lain.

Mengikut kajian klinikal, gejala ditunjukkan varian Delta amat berbeza berbanding varian sebelumnya, malah varian ini juga tidak dikaitkan dengan tahap keparahan penyakit COVID-19.

Mengikut laporan, gejala seperti demam, sakit kepala, sakit kerongkong dan hidung berair adalah biasa, namun tidak menjadi penyebab kepada batuk dan hilang deria bau.

Bagi kes lain yang dilaporkan, terdapat juga gejala lain lebih serius seperti hilang pendengaran, masalah perut yang teruk serta pembekuan darah yang menyebabkan kematian tisu dan gangren.

Walaupun begitu, kajian masih giat dijalankan bagi mengaitkan jangkitan ini dengan kadar kemasukan ke hospital serta kematian.

Walaupun kadar jangkitan ditunjukkan varian Delta sangat tinggi, jika diamati, jumlah jangkitan ini menjadi amat ketara dalam kalangan individu belum divaksin sehingga terpaksa dimasukkan ke hospital bagi mendapatkan bantuan pernafasan.

Terlalu sukar untuk menentukan sama ada varian Delta benar-benar menjadi penyebab kepada keparahan penyakit COVID-19 yang lebih tinggi berbanding varian terdahulu.

Namun, dari satu kajian dilaporkan di AS membuktikan kadar pesakit yang dimasukkan ke hospital dan kematian disebabkan COVID-19 lebih banyak membabitkan individu yang tidak menerima vaksin. Jadi, tidak dapat tidak, vaksin adalah langkah terbaik dalam menangani pandemik ini.

Ketika masyarakat dunia memberikan perhatian pada VOC terutama Delta, pengkaji juga memberikan perhatian kepada VOI seperti Lambda. Perubahan kecil berlaku pada jujukan genom virus ini akan menyebabkan pemilihan semula jadi berlaku sehingga terhasil virus dengan keturunan yang baharu.

Virus ini walaupun halus, ia juga seperti makhluk lain yang terus-menerus berubah bagi beradaptasi dengan persekitaran. Ia partikel yang tidak hidup sehingga bertemu sel perumah untuk terus bermandiri melalui proses jangkitan yang berterusan.

Sebenarnya, kita pernah berjaya memerangi virus ini sehingga tidak muncul lagi. Misalnya, ketika Malaysia dilanda jangkitan virus daripada susur galur B.6 yang dikaitkan perhimpunan keagamaan yang dihadiri peserta dari seluruh dunia, virus ini turut tersebar luas sehingga dikatakan wujud gelombang wabak kedua di negara kita.

Ketika itu, kita benar-benar menjalani kuarantin sendiri dengan patuh dan akur garis panduan dengan betul. Kes jangkitan menurun mendadak dan menjadi terkawal sehingga B.6 tidak wujud lagi sehingga kini.

Kita harus menghentikan kitaran jangkitan ini daripada terus berterusan. Jika jangkitan berlaku lebih banyak, maka akan lebih tinggilah kebarangkalian proses mutasi untuk berlaku bagi menghasilkan mutan virus yang sangat stabil dan kebal terhadap vaksin dihasilkan.

Sekiranya tidak, ia akan menjadi suatu permainan yang panjang dan melelahkan bagi setiap usaha dilakukan bagi membendung wabak ini.